



KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan Tahun 1923)

NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN UNTUK MEMILIH PERWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (ONLINE)

1. Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan pada TARIKH, MASA DAN TEMPAT yang dinyatakan di bawah ini.
2. Mengikut UUK 16 yang menyatakan bahawa: Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM 500.00 (Ringgit lima ratus) syer dan enam bulan ansuran yuran, boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini kecuali bagi anggota-anggota yang tidak mempunyai modal syer lima ratus ringgit tetapi telah menjelaskan enam bulan ansuran modal yuran, mereka berhak menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi.
3. Mengikut UUK 27(4), hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut UUK 16 pada enam bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan. Seseorang anggota yang ingin berkhidmat sebagai seorang perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah mengemukakan borang pencalonan rasmi yang disediakan kepada Setiausaha dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Lembaga. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang kedua-duanya hendaklah terdiri dari anggota kawasan berkenaan.
4. Setiap anggota yang ingin menjadi Perwakilan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan hendaklah hadir mendapatkan borang pencalonan di Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad, A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur mulai **4hb Januari, 2021 (Isnin)** jam 9.00 pagi dan tarikh tutup pencalonan ialah pada **15hb Januari, 2021 (Jumaat)** jam 5.00 petang hari bekerja.

AGENDA

1. Membentangkan dan menimbang draf akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2020.
2. Menimbang semula belanjawan tahun 2021 dan anggaran belanjawan tahun 2022.
3. Menimbang dan meluluskan Pindaan UUK dan Aturan-Aturan.
4. Melantik perwakilan kawasan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
5. Menimbang usul daripada pihak Lembaga dan anggota Koperasi KOSWIP, jika ada, yang dikemukakan tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung Kawasan itu mengikut UUK 27(11)(e).

NOTA

1. **Anggota boleh membuat semakan terkini di Ibu Pejabat KOSWIP di talian 03-22010009 dan www.wasap.my/601111974009/semakan.**
2. **Anggota hanya boleh mengundi di kawasan dimana mereka didaftarkan.**

Dengan Perintah
Lembaga Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

MOHAMAD AKHIR BIN ABDUL RAHMAN
SETIAUSAHA KOSWIP

Bertarikh : 19hb Mac, 2021

s.k

i) Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

ii) Pengarah Negeri Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor

KAWASAN ZON SELATAN

TARIKH : 5 April, 2021 (Isnin)

MASA : 4.00 petang

TEMPAT : Bilik Mesyuarat, Aras 7, PlanMalaysia, Menara Persekutuan, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

Anggota-anggota Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan di negeri-negeri Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
dan anggota-anggota bersara yang masih aktif yang menetap (tinggal) di kawasan sekitarnya.